

**DIFUSI RUANGAN BUDAYA TRANSEKSUALISME DAN
IMAGINASI GEOGRAFI PELAJAR LELAKI BERPENAMPILAN SILANG
DI UNIVERSITI TEMPATAN MALAYSIA**

(Spatial Diffusion of Transsexualism and Geographical Imagination of the
Cross-dressed Male Students in Malaysian Local Universities)

Suriati Ghazali, Jabil Mapjabil, Azilah Mohamad Nor, Narimah Samat, Jas Laile Suzana Jaafar

ABSTRAK

Fenomena transeksual semakin ketara dalam masyarakat Malaysia pada hari ini, termasuk di kalangan pelajar lelaki universiti. Sehubungan dengan itu, artikel ini bertujuan untuk memeriksa dan membincangkan proses difusi ruangan budaya dan imaginasi geografi pelajar lelaki transeksual di universiti tempatan Malaysia. Satu kajian telah dijalankan ke atas 80 orang pelajar lelaki berpenampilan silang di empat buah universiti pada 2007-2009. Mereka dipilih menggunakan teknik persampelan *purposive* dan *snowball*, manakala maklumat kualitatif telah dikumpul menggunakan temubual mendalam dan pemerhatian ikut serta. Kajian ini mendapati peranan rakan dan media sangat penting dalam penyebaran budaya transeksual di kalangan responden. Manakala imaginasi dan identifikasi yang diberikan oleh responden terhadap diri mereka, iaitu sebagai wanita, memudahkan mereka menerima gaya hidup transeksual. Kajian ini menyumbang kepada pengetahuan tentang peranan difusi ruangan budaya dan imaginasi geografi dalam menghasilkan pandang darat sosial dan identiti sosial baru di Malaysia.

Kata kunci: difusi ruangan, transeksualisme, imaginasi geografi, identiti, Malaysia

ABSTRACT

Transsexual phenomenon is evident in today's Malaysian society including among the male university students. Hence, this article aims to examine and discuss the diffusion processes and the geographical imagination of the male transsexual students in Malaysian universities. A study was conducted on 80 male student cross-dressers in four local universities in 2007-2009. They were chosen using purposive and snowball sampling, while qualitative information were gathered using in-depth interviews and participant observation. This study revealed that the roles of friends and media are of crucial importance in the diffusion of the transsexual way of life among the respondents. Whereas, their imagination and identification of their own self, that is as a woman, made them easily adopt a transsexual way of life. This study contributes to the knowledge on the roles of spatial diffusion and the geographical imagination in creating a new social landscape and social identity in Malaysia.

Keywords: spatial diffusion, transsexualism, geographical imagination, identity, Malaysia

PENGENALAN

Penyebaran budaya transeksualisme dan imaginasi geografi pelakunya adalah suatu isu sosial terpinggir yang mula mendapat perhatian dalam pelbagai arena perdebatan masa kini. Masyarakat Malaysia amnya berpandangan transeksual adalah satu penyakit sosial, melanggar hukum agama, adab, budaya dan tatasusila serta perlu dihentikan (Amran et al. 2010; Zulhizzam 2005; Wan Azmi 1991). Walaupun dipercayai komuniti transeksual masih minoriti, namun banyak kajian mendapati golongan ini, terutama lelaki transeksual, secara relatifnya semakin ramai dan jelas kehadirannya dalam ruang dan pandang darat sehari-hari (Nash 2005; Teh 2002; Binnie & Valentine 1999). Hal ini menandakan berlakunya penyebaran budaya transeksualisme di kalangan masyarakat. Gaya hidup transeksual juga jelas diamalkan oleh sebilangan kecil pelajar institusi pengajian tinggi Malaysia (Zuhizzam 2005), sehingga menimbulkan kegelisahan dalam kalangan masyarakat kampus dan orang awam (Utusan Malaysia 2005). Infrastruktur komuniti di kampus juga dikatakan telah memberi sokongan kepada golongan ini untuk meneguhkan gaya hidup transeksual (Suriati 2011).

Menurut American Psychiatric Association (2000) transeksualisme ialah satu keadaan di mana seseorang ingin memiliki jantina yang berlawanan daripada yang dimiliknya sejak lahir, dan ia melakukan intervensi perubatan bagi mencapai hasrat memiliki penampilan dan tubuh badan seperti yang diingini, dan dalam kes ekstrim melakukan pembedahan pertukaran jantina (Benjamin 1999; Ekins & King 1997). Ia juga mengalami ketidaksesuaian fungsi atau tekanan akibat daripada identiti gender yang diberi, dalam kata lain, mengalami disforia atau kecelaruan gender (King 1993). Banyak kajian telah membincangkan penyebab transeksualisme daripada sudut biologi dan psikologi, seperti faktor prenatal dan genetik (Swaab 2008), serta trauma psikik yang berkembang sehingga membawa konflik dalam diri dan menghasilkan tingkah laku menyimpang seperti transeksual (Benjamin 1999). Tanpa menafikan sumbangan faktor-faktor ini, artikel ini hanya akan memeriksa faktor difusi ruangan dan imaginasi geografi di dalam penerimaan gaya hidup transeksual.

Dalam geografi sosial dan budaya perubahan cara hidup serta persepsi dalam masyarakat dianggap menjadi faktor kepada perkembangan fenomena ini. Hal ini disebabkan proses-proses yang dibawa oleh globalisasi menjadi penggerak kepada berlakunya difusi budaya dalam masyarakat (de Blij dan Murphy 2003). Globalisasi budaya memaparkan suatu keadaan penyeragaman budaya, di mana sesuatu gaya hidup diterima dan diamalkan oleh orang yang tinggal di rantau yang berbeza, tanpa mengira dari mana asas nilai budaya tersebut dibentuk. Penyeragaman budaya ini berlaku kerana terdapat kesamaan nilai, keinginan dan cara hidup pelakunya dengan pelaku di tempat lain (Suriati & Morshidi 2011). Walaupun gaya hidup ini ditentang di peringkat budaya dan nilai-nilai tempatan, namun individu dan kumpulan yang mempunyai persamaan nilai dan keinginan terus menerima dan mengamalkan budaya tersebut. Semakin hari komuniti ini semakin berpengaruh dan jelas kehadirannya dalam landskap sosial, mempunyai pertumbuhan bertaraf global, laman web sendiri serta menguasai ruang-ruang awam tertentu, sehingga mencetuskan identiti sosial baru yang semakin diterima oleh kebanyakan masyarakat dunia (Oswin 2008; Nash 2005). Justeru itu, adalah menjadi objektif artikel ini untuk membincangkan proses difusi ruangan budaya transeksual dan imaginasi geografi pelakunya yang mencetuskan pandang darat sosial dan identiti sosial baru di kalangan pelajar lelaki universiti di Malaysia.

TRANSEKSUALISME, DIFUSI RUANGAN DAN IMAGINASI GEOGRAFI

Keuniversalan fenomena transeksual menyebabkan golongan ini dikaji di peringkat pelbagai budaya dan negara serta daripada pelbagai disiplin. Dalam kajian geografi istilah *queer* diperkenalkan bagi menggambarkan perlakuan pelik dan aneh di atas ruang oleh golongan ini (Oswin 2008; Bell & Binnie 2004; Binnie & Valentine 1999). Didapati setiap masyarakat memberi gelaran tertentu kepada mereka, seperti *kathoey* di Thailand (Totman 2003), *wadam* atau *banci* di Republik Indonesia (Oetomo 2000), *hijra*, *kinnav*, *kothi* di Asia Selatan (Nanda 1999); *khanith*, *mukannath* dan *kuntha* di negara Arab (Wikan 1977), dan *mak nyah*, *pondan*, *bapuk* serta *darai* di Malaysia (Teh 2002; Wan Azmi 1991). Kesejagatannya fenomena ini membawa kepada kepentingan untuk memahaminya, dan penyelidik daripada disiplin geografi turut menjalankan kajian terhadap golongan ini sejak 30 tahun lalu (Oswin 2008). Oswin umpamanya memetakan taburan aktiviti golongan ini; Brown dan Knopp (2005) membangunkan ruang *queer* dengan memetakan taburan golongan *queer* di Amerika Syarikat; Binnie dan Valentine (1999) mengkaji peranan ruang dalam mempengaruhi aktiviti golongan *queer*, serta tanggapan dan makna terhadap identiti ruangan mereka; Bell dan Binnie (2004) mengkaji kesan Order Baru Bandar di mana golongan ini telah menggunakan undang-undang untuk memperjuangkan hak seksualiti mereka; manakala Johnston dan Longhurst (2008) mendapati kajian berkaitan seksualiti seperti *queer* adalah sensitif dan cuba dihindari. Namun kajian sebegini terus muncul, diterajui oleh penyelidik yang berminat dengan kajian sosial dan budaya mutakhir. Dalam sensitiviti sama penyelidik melakukan kajian terhadap golongan ini bagi memahami difusi ruangan serta imaginasi geografi golongan *queer* di Malaysia.

Difusi ruangan ialah satu proses bagaimana sesuatu perkara baru dalam bentuk idea, gaya hidup, teknologi dan inovasi tersebar dan diterima daripada seseorang atau sekumpulan orang melalui ruang dan masa (Rogers 1995). Ianya melibatkan pergerakan perkara baru tersebut keluar daripada orang atau kawasan punca di mana perkara baru itu dicetuskan, bergerak dan diterima oleh orang lain di tempat yang sama dan juga di tempat lain. Bilangan penerima unsur baru tersebut akan terus bertambah mengikut masa, sehingga ia tiba ke tahap tepu di mana majoriti orang sudah menerima perkara baru tersebut. Pun begitu, sebaran sesuatu unsur baru turut berhadapan dengan halangan fizikal dan halangan sosiobudaya, yang melambatkan atau menghalang terus penyebaran budaya tersebut. Namun pada era globalisasi dan kecekapan teknologi komunikasi hari ini, faktor fizikal tidak lagi menghalang penyebaran budaya, sebaliknya elemen sosiobudaya seperti agama, adat resam dan pegangan hidup masih berperanan melambatkan atau menghalang kemasukan dan penerimaan budaya baru (Webber 2006; Orr 2003; Rogers 1995).

Penerimaan gaya hidup ini ada kena mengena dengan imaginasi geografi pelakunya. ‘Imaginasi geografi’ menerangkan bagaimana imej dan makna membentuk tingkah laku seseorang atau sekumpulan orang dalam ruang sosialnya. Imej dan makna menerangkan siapakah diri mereka, di manakah ‘tempat’ mereka di dalam ruang fizikal dan ruang sosial, dan apakah bentuk hubungan mereka dengan orang lain (Binnie & Valentine 1999; Driver 1999). Imaginasi geografi berbeza-beza di antara individu dan kumpulan dalam cara melihat orang lain, tempat, ruang dan pandang darat, sehingga mencetuskan perbezaan dan pembahagian di antara ruang ‘kita’ dan ruang ‘mereka’. Sepertimana menurut Driver (1999) deria identiti, baik secara

subjektif mahupun ditonjolkan, adalah dibentuk oleh kedudukan sosial dan imej. Imej pula adalah bagaimana orang berperlakuan untuk menyesuaikan dirinya dengan dunianya, orang lain, dan budaya di sekeliling mereka. Dalam hal ini, penyelidik mengandaikan lelaki transeksual mengimajinasikan semula diri mereka sebagai ‘wanita’, dan memberi makna diri, identiti dan tempat baru iaitu ‘tempat wanita’, setelah mereka menerima difusi budaya transeksual dan menerapkannya dalam gaya kehidupan sehari-hari. Kebolehan menerima identiti baru ini adalah berkaitan dengan faktor-faktor biologi dan psikologi seperti yang telah dijelaskan Swaab (2004) dan Benjamin (1999). Komuniti ini berkongsi imej dan makna yang sama tentang tempat, diri dan identiti mereka berdasarkan pemikiran, persepsi dan pengalaman hidup mereka yang hampir sama. Manakala ‘orang luar’, iaitu bukan transeksual, memberi imej yang berbeza terhadap mereka, dan imej yang diberi oleh orang luar ini juga mempengaruhi cara transeksual menempatkan diri dan identiti mereka, di mana seringkali dilahirkan dalam bentuk konflik dan pertentangan dengan ‘orang luar’ tersebut (Driver 1999).

Dalam proses difusi menurut Rogers (1995) terdapat empat faktor utama mempengaruhi penerimaan sesuatu idea atau gaya hidup baru iaitu 1) bentuk gaya hidup tersebut 2) saluran komunikasi yang digunakan untuk menyebarkan gaya hidup; 3) masa, dan 4) sifat semulajadi komuniti di mana sesuatu gaya hidup baru diperkenalkan. Orr (2003) pula menyatakan setiap ahli dalam sistem sosial akan melalui lima peringkat dalam membuat keputusan untuk menerima pembaharuan, atau dalam kes kajian ini, gaya hidup transeksual, iaitu (1) pengetahuan tentang gaya hidup baru dan bagaimana ia berfungsi; (2) kuasa pujukan (3) keputusan untuk menerima atau menolak gaya hidup baru (4) melaksanakan gaya hidup baru dan (5) mengesahkan gaya hidup baru melalui penilaian positif terhadap gaya hidup tersebut.

Menurut Orr (2003) keputusan ahli masyarakat sama ada untuk menerima atau menolak sesuatu unsur baru amat bergantung kepada keputusan ahli masyarakat yang lain. Penerimaan sesuatu pembaharuan juga dilakukan berdasarkan analisis kos faedah. Seseorang akan menerima gaya hidup baru jika ia mendatangkan keuntungan kepada diri mereka. Menurut Hagestrand (1968) pula penerimaan sesuatu unsur baru bergantung kepada penyebaran maklumat yang diperolehi melalui media massa dan perhubungan peribadi. Hagerstrand menyifatkan perhubungan personal antara individu adalah penting dalam penyebaran sesuatu pembaharuan. Kumpulan yang tinggal berhampiran dengan sumber pembaharuan mempunyai peluang yang lebih tinggi dan lebih cepat untuk menerima pembaharuan tersebut berbanding mereka yang tinggal jauh daripada sumber pembaharuan. Begitulah juga dengan rebakan gaya hidup transeksual. Semakin dekat seseorang yang berpotensi menerima gaya hidup transeksual dengan sumber yang memperkenalkan gaya hidup tersebut, semakin tinggi peluangnya untuk merealisasikan diri dan identiti sebagai seorang transeksual. Bagaimanapun, rebakan sesuatu unsur budaya dibatasi oleh hierarki sosial, iaitu semakin ke bawah atau ke hujung hierarki seseorang itu berada (sama ada hierarki bandar, atau hierarki sosioekonomi), maka semakin lambat mereka menerima pembaharuan tersebut. Dalam artikel ini, teori ini cuba diaplikasi untuk menjelaskan difusi gaya hidup transeksual di kalangan pelajar lelaki universiti tempatan di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian telah dijalankan di Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Malaya (UM) pada tahun 2007-2009. Pemilihan adalah berdasarkan beberapa kriteria yang bersesuaian. Di antaranya ialah, lokasi berhampiran dengan Thailand yang terkenal dengan jolokan ‘syurga golongan transeksual’ (UUM dan USM); dan lokasi di Lembah Kelang-Kuala Lumpur yang mempunyai aksesibiliti kepada pelbagai kemudahan dan aktiviti (UM dan UiTM). Pemilihan responden dilakukan melalui teknik persampelan *purposive* iaitu penyelidik menentukan tujuan yang ingin didapat dari pada sampel penyelidik, dan persampelan *snowball*, iaitu penyelidik menggunakan maklumat daripada responden untuk mendapatkan responden yang seterusnya. Penyelidik telah mendapat kerjasama daripada empat orang pemberi maklumat utama iaitu pelajar lelaki berpenampilan silang yang turut terlibat dalam temubual mendalam dan pemerhatian ikut serta. Pemberi maklumat seterusnya memperkenalkan penyelidik kepada pelajar transeksual lain daripada keempat-empat universiti dikaji. Responden berikutnya ditemubual, dan mereka memperkenalkan pula rakan transeksual mereka, sehingga akhirnya penyelidik mendapat sejumlah 20 orang responden daripada setiap universiti yang dikaji. Kaedah persampelan *snowball* sangat sesuai bagi mendapatkan sampel yang tidak diketahui bilangan sebenar sepertimana golongan transeksual manakala kaedah persampelan *purposive* membolehkan pemilihan responden dibuat kepada mereka yang menepati keperluan kajian sahaja. Di samping itu maklumat yang kaya dan mendalam seperti yang diperlukan oleh kajian ini dapat dicapai melalui teknik persampelan tersebut (Bernard 2000). Data kualitatif daripada temubual dianalisis dan ditafsir melalui teknik interpretasi, refleksi dan analisis kandungan, seterusnya dipetik dan ditafsir untuk memaparkan tentang aspek difusi ruangan dan imaginasi geografi daripada sudut pandangan responden sendiri (Robinson 1998).

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 1 memaparkan maksud beberapa istilah penting yang digunakan oleh responden bagi memudahkan pemahaman petikan kata-kata responden. Manakala Jadual 2 meringkaskan latar belakang responden daripada segi umur, etnik, status tempat tinggal sebelum melanjutkan pelajaran ke universiti dan negeri asal. Lebih separuh daripada responden berketurunan Melayu. Walaupun kajian ini tidak berhasrat memilih kaum Bumiputera sahaja, namun hasil persampelan *snowball* yang menggunakan informan, di samping persamaan keturunan penyelidik dengan responden, telah menyebabkan responden daripada keturunan Melayu dan Bumiputera lain lebih bersifat terbuka dan sudi menjadi responden untuk kajian ini. Semua responden Melayu beragama Islam manakala sebahagian responden dari kalangan Bumiputera lain beragama Kristian. Taburan responden mengikut bandar dan luar bandar adalah sama banyak. Responden mewakili kesemua lima belas negeri di Malaysia, dengan bilangan paling ramai daripada negeri Kelantan. Kajian ini tidak menyimpulkan bahawa keadaan ini adalah representatif bagi setiap negeri kerana jumlah sebenar pelajar lelaki berpenampilan silang mengikut negeri tidak diketahui. Paling penting, fenomena keceliaruan gender di kalangan pelajar lelaki berlaku di setiap negeri di Malaysia, baik di bandar maupun di luar bandar.

Jadual 1: Istilah khusus yang digunakan oleh responden dalam perkataan dan tulisan

Mak:	Singkatan kepada ‘mak nyah’ yang bermaksud saya.
Nyah:	Gelaran yang bermaksud pondan/transeksual - lelaki berpenampilan wanita.
Mak ayam:	Panggilan untuk pelajar lelaki senior yang berani dan sebat dengan penampilan wanita di khalayak ramai.
Drag:	Perbuatan memakai pakaian dan bertatarias wanita sepenuhnya, seringkali juga disebut ‘drag queen’ apabila golongan ini berpakaian untuk pertandingan, seperti pertandingan ratu cantik.
Nok:	Gelaran kepada pelajar baru yang menunjukkan minat untuk berpenampilan silang.

Jadual 2: Latar belakang responden mengikut umur, etnik, status tempat tinggal dan negeri asal (n=80)

Profil Responden	Bilangan	Peratus
Umur		
19- 20 tahun	13	16.3
21-23 tahun	59	73.7
24-25 tahun	8	10.0
Kumpulan Etnik		
Melayu	69	86.2
Lain-lain Bumiputera	11	13.8
Status tempat tinggal terdahulu		
Bandar	40	50.0
Luar Bandar	40	50.0
Negeri asal		
Kelantan	15	18.7
Johor	9	11.3
Perak	9	11.3
Kedah	8	10.0
Sabah	7	8.7
Sarawak	7	8.7
Pahang	6	7.5
Melaka	5	6.3
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	4	5.0
Terengganu	3	3.7
Negeri Sembilan	3	3.7
Perlis	2	2.5
Selangor	1	1.3
Wilayah Persekutuan Labuan	1	1.3

Perbincangan selanjutnya adalah berkisar tentang faktor pembawa budaya transeksualisme, aspek penerimaan budaya tersebut dan imaginasi geografi responden terhadap diri dan identiti.

Dari sudut penerimaan budaya transeksualisme, 75% responden USM, 45% responden UUM, 80% responden UM dan 50% responden UiTM mengatakan mereka sudah mempunyai kecenderungan untuk menukar penampilan sebelum memasuki universiti. Menurut responden mereka telah terdedah kepada budaya transeksual semasa masih bersekolah. Rakan sebaya di sekolah dan di asrama, serta media cetak dan elektronik yang mudah didapati telah menyebarkan maklumat tentang gaya penampilan transeksual. Kebanyakan mereka mengatakan naluri ingin menjadi wanita menyebabkan mereka mudah menerima budaya ini. Namun mereka terpaksa mengenepikan hasrat tersebut kerana keluarga, budaya dan masyarakat sekitar di tempat asal tidak menyetujui perbuatan dan gaya tersebut. Menurut seorang responden:

‘Keluarga tidak suka saya bersolek atau berpakaian perempuan dan selalu menasihati saya jangan berbuat begitu. Masyarakat sekitar pun selalu mengutuk dan menyindir’ (Pelajar UUM, 21, Islam, Perak).

Seorang lagi mengatakan:

‘Perasaan itu memang ada dari kecil semasa di kampung tetapi tidak dilakukan’ (Pelajar USM, 21, Kristian, Sarawak).

Terdapat juga responden yang telah mula berpenampilan silang secara ringan sebelum melanjutkan pelajaran ke universiti. Mengenai hal ini, seorang responden mengatakan:

‘Di kampung semasa mula-mula belajar jadi nyah, mak hanya bersolek ringan-ringan saja dengan memakai bedak nipis, *lip gloss*, cukur bulu kening dan jalan berlenggang. Tapi mak masih berambut pendek, pakai T-Shirt dan seluar lelaki dan tidak kepit suara (menghaluskan suara) seperti sekarang’ (Pelajar USM, 22 tahun, Kelantan).

Bagi responden yang hanya berminat untuk menukar penampilan setelah berada di universiti, rata-rata mereka mengatakan mereka tertarik dengan rakan-rakan yang terlebih dahulu berpenampilan silang. Adalah menarik kerana 55% daripada responden UUM mengatakan mereka hanya menukar penampilan selepas memasuki universiti tersebut, dan menjadi satu tanda tanya kepada penyelidik, adakah pengaruh lokasi UUM yang terletak berhampiran dengan negara jiran, Thailand, yang dikenali sebagai ‘syurga untuk golongan transeksual’ (lihat Totman 2003) mempengaruhi keadaan ini? Namun begitu tiada responden dari UUM mahupun dari USM mengatakan hal ini adalah pengaruh daripada negara tersebut. Sebaliknya pergaulan dengan rakan-rakan dan interaksi yang rapat sesama mereka melalui kemudahan teknologi komunikasi untuk berkongsi maklumat tentang ‘dunia transeksual’ adalah menjadi pendorong mereka menerima difusi dan mempamerkan gaya hidup ini. Seorang responden mengakui:

‘Sebenarnya mak terpengaruh dengan mak-mak ayam yang dah sedia ada di sini. Semasa mak Tahun Satu ramai mak-mak ayam nak berbaik-baik dengan mak tapi mak menjauhkan diri. Lama-kelamaan mak *jealous* tengok mereka. Mereka bebas jadi diri mereka sendiri, boleh *drag*, simpan rambut panjang, kulit licin, paling

woman. Mak masa tu kulit buruk, banyak jerawat. Ditambah pula kawan-kawan sebaya makin ramai berani *drag*. Secara tak langsung mak pun mula ikut, cukur janggut dan misai dulu. Lepas tu mula pakai *jeans* yang *vogue* (berfesyen) dan baju *fit* (ketat), dan mula simpan rambut panjang.' (Pelajar USM, 23, Islam, Kelantan).

Kemasukan ke universiti memudahkan responden merealisasikan hasrat untuk berpenampilan wanita, kerana di universiti mereka berjumpa lebih ramai rakan senaluri. Mereka berasa lega apabila mendapati ramai pelajar lelaki senior yang disebut 'mak ayam' berpenampilan silang di khelayak ramai semasa Minggu Orientasi. Pelajar senior juga dapat mengesan bahawa ada pelajar baru berminat dan berpotensi untuk dijadikan 'anak-anak ayam' atau 'nok-nok'. Menurut seorang responden:

'Mula-mula masuk universiti mak tengok ramai sangat geng-geng macam mak. Rasa suka sangat bila tengok kaum nok-nok macam mak ni wujud. Sebenarnya perasaan nak jadi nyah ni dah lama, dari kecil lagi tapi semasa di tahun pertama mak masih biasa-biasa saja. Semasa itu mak tak mahu digelar pondan. Rasa hina sangat. Tapi sekejap saja mak menyamar jadi lelaki. Bila mak tengok mak-mak ayam kat sini *drag* bagai nak rak, jiwa mak pun semakin memberontak untuk menjadi apa yang mak mahu selama ni, sebagai seorang nyah yang *vogue*' (Pelajar USM, 21, Islam, Sabah).

Pendapat ini disokong oleh pelajar lelaki senior yang mencari pelajar baru yang menunjukkan potensi untuk menjadi ahli kumpulan mereka:

'Kaum nok-nok ni memang ramai. *Very the* lubuk (kolot sangat) nok-nok ni. Tak berani nak tunjuk mereka tu nok. Tapi siapa tak kenal, tengok cara mereka berjalan dah kalah perempuan. Melenggang bagai nak rak. Nak kenal mereka - jari melentik, kening dicukur, pakai krim muka, pelembab bibir. Paling *vogue* cara pegang buku, *very the* pecah lobang (terbuka rahsia). Sah-sah mereka macam mak juga' (Pelajar UiTM, 22, Islam, Kedah).

Dapatan ini bertepatan dengan Nor Ba'yah dan Asmawati (2004) yang mengatakan rakan merupakan rangkaian sosial yang penting di universiti, di mana rakan memberi empat bentuk sokongan iaitu sokongan emosi, keperluan, maklumat atau nasihat dan juga teman. Kesemua ini menyumbang kepada keceriaan pelajar terutama pelajar baru yang perlu menyesuaikan diri dengan persekitaran kampus.

Apabila sudah menukar penampilan, berlaku persaingan di antara mereka sesama sendiri, terutama sekali di antara pelajar baru dengan pelajar senior, untuk kelihatan paling cantik. Hal ini menyebabkan mereka semakin berani melakukan apa sahaja seperti mengambil pil hormon untuk menghaluskan kulit, mengambil suntikan vitamin C, menatarias wajah, menyimpan rambut panjang dan berpakaian secantik dan sewanita yang mungkin. Menurut seorang responden:

'Ya, haruslah *I* mencontohi mereka (pelajar senior) dan harus lebih cantik dari mereka. Mana boleh mengaku kalah dengan mak-mak ayam ni. *I* pun cantik juga. Jadi memang kami bersaing nak tunjuk siapa hebat. Tidak kira dari segi *makeup* ke,

penampilan ke, yang penting lebih hebat dari mereka' (Pelajar UUM, 20, Islam, Kedah).

Selain itu, aktiviti di universiti terutama sekali aktiviti kebudayaan menjadi tempat pelajar senior menyebarkan gaya mereka kepada pelajar baru. Seperti kata seorang responden:

'Selalunya mak jumpa geng adik-adik ni bila ada majlis seperti Malam Kebudayaan. Kami mula bertegur sapa, kemudian mak ajak adik-adik ni lepak-lepak di bilik mak atau lepak-lepak di bilik mak-mak ayam lain. Kami pun banyak ajar adik-adik ni cara *drag* dan makeup supaya lebih *vogue*' (Pelajar UUM, 24, Islam, Kelantan).

55% responden ditemui mengakui naluri dan keinginan untuk menjadi cantik seperti wanita adalah sebab utama mereka mengubah penampilan. Hanya 45% mengatakan mereka pengaruh dengan rakan-rakan. Namun daripada temubual mendalam dan catitan responden, ternyata keberadaan mereka bersama rakan-rakan yang mempunyai minat sama menyebabkan mereka mudah untuk berpenampilan seperti yang mereka inginkan. Proses geografi di sebalik rebakan budaya transeksual di kalangan pelajar lelaki di universiti ialah penghijrahan mereka ke universiti dan perkumpulan mereka di suatu lokasi (universiti). Hal ini memudahkan mereka menyebarkan pandangan dan gaya hidup mereka kepada orang lain, khasnya kepada rakan-rakan senaluri. Hal ini berlawanan dengan teori difusi seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, iaitu pergerakan perkara baru tersebut keluar daripada kawasan punca dan tersebar ke tempat lain (de Blij dan Murphy 2003; Rogers 1995). Dalam kes difusi gaya berpenampilan silang di kalangan pelajar lelaki di universiti, kebanyakannya pelajar tersebut telah mempunyai kecenderungan untuk menukar penampilan sebelum memasuki universiti, namun mereka belum melakukannya atau melakukannya secara 'ringan'. Setelah mereka berhijrah ke universiti barulah rebakan gaya dan penampilan berlaku pesat, dengan keberanian mereka berpenampilan wanita secara terbuka. Hal ini bermakna pelajar senior adalah 'sumber' budaya baru, manakala pelajar baru sebagai 'penerima' budaya baru.

Penerimaan untuk menukar gaya hidup dan berpenampilan wanita pastinya berpunca daripada imaginasi geografi pelajar baru itu sendiri. Mereka telah terlebih dahulu memberi imej dan makna terhadap tempat, diri dan identiti mereka sebelum datang ke universiti. Imaginasi kebanyakannya mereka sebelum datang ke universiti ialah mereka berada dalam tubuh yang salah. Diri dan identiti mereka adalah wanita dan tempat mereka adalah 'tempat' wanita. Hal ini terlihat daripada kata-kata responden berikut:

'Boleh dikatakan faktor dalaman mak sendiri, naluri mak ingin berpenampilan wanita' (Pelajar UM, 20, Kristian, Sarawak);

'Sejak kecil lagi mak memang suka berpakaian perempuan. Mak tidak salahkan orang lain menyebabkan mak jadi begini' (Pelajar UiTM, 23, Islam, Pahang);

'Sejak kecil mak selesa dengan perempuan. Bila mak bergaul dengan kawan lelaki normal mak rasa tak selesa dan tak seronok. Bila bergaul dengan kawan perempuan mak selesa dan gembira sangat, sebab dah sebatik dengan dunia perempuan' (Pelajar UUM, 24, Islam, Kelantan).

Jelaslah imej dan makna yang diberikan terhadap diri mereka membentuk tingkah laku mereka di dalam ruang sosial mereka. Seperti yang telah dinyatakan oleh Binnie dan Valentine (1999), dan Driver (1999), imej dan makna yang diberikan terhadap diri dan identiti mereka menerangkan siapakah diri mereka, di manakah ‘tempat’ mereka dalam ruang fizikal dan ruang sosial, dan apakah bentuk hubungan mereka dengan orang lain. Dalam hal ini responden memberi identiti wanita kepada diri mereka dan meletakkan tempat mereka dalam ruang fizikal dan sosial wanita, bukannya dalam ruang lelaki.

Bagaimana imej dan makna ini terbentuk dalam diri mereka sangat kompleks faktornya dan tidak dikaji di sini. Seperti dinyatakan sebelum ini ianya terbentuk daripada pelbagai faktor seperti sejarah prenatal dan genetik, asuhan, trauma psikik serta kecelaruan akibat pengalaman hidup yang secara tidak langsung menunjukkan kelebihan menjadi wanita daripada lelaki. Antara nilai wanita yang mereka sukai adalah lembut, cantik, dan disukai lelaki. Lantaran itu memang terdapat mereka yang mengatakan mereka menukar penampilan untuk menarik perhatian lelaki. Dalam hal ini, seorang responden menyebut:

‘Mak dah penat cuba jadi lelaki tetapi tidak boleh. Mak ingin kelihatan anggun, kalau boleh biar lebih anggun daripada perempuan betul. Kami seronok bercakap fasal lelaki yang mengurat kami’ (UUM, 21, Islam, Kelantan).

Implikasi globalisasi budaya dalam mengubah persepsi masyarakat dan kumpulan ini juga dapat dihuraikan. Akses mereka kepada maklumat, terutama melalui bahan bacaan dan teknologi komunikasi moden seperti internet dan telefon bimbit, menjadikan mereka bertambah yakin terhadap gaya hidup transeksual. Bahan bacaan terutama majalah-majalah wanita menjadi pilihan utama mereka untuk terus *up-to-date* dengan gaya penampilan wanita. Kebanyakan responden menamakan beberapa majalah wanita sebagai majalah yang digemari untuk mendapat maklumat tentang kecantikan dan fesyen. Antaranya ialah majalah Glam, Cleo, Remaja, Wanita, dan Nona. Manakala rancangan TV yang diminati adalah yang melibatkan wanita dan fesyen. Responden menamakan beberapa rancangan TV seperti Muzik-muzik, Melodi, Nona, Wanita Hari Ini, Akademi Fantasia, Gangstarz, Miss World, Miss Universe, American Next Top Model dan American Idol. 85% responden mengakui bahan-bahan daripada media cetak dan media elektronik banyak membantu mereka mengubah penampilan. Menurut seorang responden:

‘...melalui rancangan ini dapat ditiru cara model antarabangsa berfesyen dan bergaya’ (Pelajar UM, 20, Kristian, Sarawak).

Maklumat berkenaan fesyen dan kecantikan dikongsi dan disebarluaskan sesama mereka secara bersemuka dan juga secara *online*. Kesemua responden dikaji mempunyai laman sosial mereka sendiri seperti laman sosial *Facebook*, *Friendster* dan *Myspace*, di mana mereka akan berkongsi cerita dan maklumat dengan rakan mereka sekampus dan juga rakan-rakan di tempat lain. Malah menerusi laman sosial ini difusi gaya hidup transeksual disebarluaskan kepada rakan-rakan mereka yang mula berjinak-jinak dengan gaya penampilan silang. Rata-rata responden mengatakan topik yang biasa dibualkan dalam laman sosial ialah ‘...gosip, fesyen terbaru, dan cerita lelaki disukai’. Di laman sosial juga mereka memamerkan fesyen dan kecantikan penampilan mereka untuk dibincangkan bersama. Adalah menjadi satu kebanggaan apabila foto mereka dipuji oleh rakan-rakan siber mereka, seperti kata seorang responden:

‘Mereka suka gaya mak dan puji mak. Mereka tiru dan tanya bagaimana nak bergaya seperti mak’ (Pelajar UUM, 21, Islam, Kelantan).

Kesemua seratus peratus responden dikaji mempunyai rakan siber dalam negara, manakala 42% mempunyai rakan siber di luar negara. Hampir semua rakan siber tersebut adalah senaluri dengan mereka, menunjukkan difusi ruangan budaya transeksual adalah melangkaui sempadan negara dan budaya. Komen seorang responden:

‘... kaum macam kami mesti ramai kawan. Bukan dalam negara saja. Mak memang ramai kawan dari luar negara seperti dari Brunei, Filipina dan Hong Kong.’ (Pelajar UiTM, 21, Islam, Negeri Sembilan).

30% responden meletakkan isu semasa dan hiburan sebagai perkara yang paling banyak dibualkan semasa *chatting* di internet, diikuti oleh fesyen dan kecantikan (27%), hal-hal peribadi (22%), seks dan pasangan (12%) dan hal pelajaran (9%). Ternyata persamaan minat dan persepsi yang merentasi sempadan negara dan budaya membawa kepada kelancaran proses difusi gaya transeksual. Walaupun begitu kesemua responden menyedari perbuatan berpenampilan seperti jantina berlawanan diharamkan oleh agama yang mereka anuti. Menurut seorang responden:

‘Berpakaian seperti ini dilarang oleh agama. Lelaki dan wanita saja gender yang betul. Tidak ada gender ketiga. Tiba masa nanti saya nak jadi lelaki maskulin. Tak elok jadi nyah sampai tua’ (Pelajar UUM, 21, Islam Kelantan). Seorang lagi mengatakan:

‘Agama menolak penampilan ini. Rasa berdosa bila saya berada di tempat ibadat. Tapi apa daya kami tidak minta jadi begini. Kerana saya akan bertugas sebagai pendidik saya perlu tukar imej (menjadi lelaki normal) pada masa hadapan walaupun naluri masih sama’ (Pelajar USM, 20, Kristian, Sarawak).

Walaupun elemen sosiobudaya seperti agama, adat resam dan pegangan hidup seharusnya boleh menghalang kemasukan budaya yang tidak diterima oleh sosiobudaya masyarakat tersebut (Webber 2006, de Blij dan Murphy 2003; Orr 2003; Rogers 1995), ternyata golongan pelajar yang masih muda ini tidak mampu menolak desakan naluri dan pengaruh luar lantaran ‘kuasa pujukan’ daripada rakan-rakan dan media massa yang senang diakses pada bila-bila masa. Ini disokong oleh kajian Khaidzir dan Khairil Anwar (2011) yang mengatakan tahap mental-kognitif Islam remaja masih berada pada tahap sederhana rendah, di mana kesedaran dan cara berfikir keIslamam remaja masih berada pada keadaan yang belum menepati tahap yang membolehkan remaja mengawal tingkah lakunya. Namun begitu, 70 peratus responden berhasrat untuk kembali menjadi lelaki normal kerana menyedari kesalahan daripada sudut agama dan moral. Sekiranya ini direalisasikan, budaya ini tidak akan disebarluaskan oleh mereka apabila mereka tamat belajar dan meninggalkan kampus. Pun begitu, 30 peratus responden masih berhasrat untuk meneruskan gaya hidup transeksual dan ingin mendapatkan pengiktirafan umum terhadap gender pilihan mereka. Seorang responden mengatakan:

‘Kami tidak membahayakan malah sukakan kedamaian. Kenapa mesti didiskriminasi? Saya sudah dilahirkan cantik (seperti wanita). Kalau perlu tukar

menjadi lelaki normal, saya rasa tidak lengkap dan hilang keyakinan diri' (Pelajar USM, 22, Islam, Johor).

Hasil dapatan ini menunjukkan kebenaran kenyataan Oswin (2008) tentang kesejagatan dan penguasaan fenomena transeksualisme di dalam ruang geografi. Walaupun gaya hidup transeksual ditentang di peringkat budaya dan nilai-nilai tempatan, namun pengaruhnya tidak dapat dihalang lantaran terdapatnya sokongan infrastruktur komuniti menerusi media yang kerap memaparkan dunia kehidupan mereka menerusi filem dan drama (Suriati et al. 2011). Hasilnya ialah kewujudan landskap sosial yang menunjukkan kehadiran dan dominasi identiti sosial baru iaitu transeksual, terutama di universiti dan sekitarnya.

KESIMPULAN

Artikel ini mencadangkan satu rangka konsep bagi memahami difusi ruangan budaya transeksual. Terdapat empat faktor utama iaitu: (i) gaya hidup transeksual yang menjadi cita-cita mereka yang ingin memiliki gender berlawanan; (ii) komunikasi secara bersemuka dengan rakan senaluri dan saluran teknologi komunikasi dan maklumat, (iii) jangka masa didedahkan kepada gaya hidup ini semasa di universiti, di mana semakin lama didedahkan semakin kukuh identiti baru, dan (iv) sifat semula jadi komuniti di mana budaya itu diperkenalkan. Dalam kes ini, sifat semula jadi komuniti pelajar transeksual yang menunggu peluang untuk berpenampilan silang sejak sebelum melanjutkan pelajaran ke universiti telah membolehkan penerimaan budaya ini dengan mudah.

Artikel ini turut merumuskan lima peringkat yang dilalui oleh kumpulan transeksual dalam membuat keputusan untuk menerima gaya hidup ini. Peringkat tersebut ialah (i) peringkat berusaha mendapatkan pengetahuan tentang gaya hidup transeksual (ii) peringkat pujuhan supaya menerima gaya hidup ini, (iii) peringkat membuat keputusan untuk menerima budaya ini, (iii) peringkat pelaksanaan apabila mengamalkan budaya ini, dan (iv) peringkat pengesahan apabila mereka menilai gaya hidup baru melalui testimoni daripada rakan-rakan dan orang lain. Kehadiran mereka yang akhirnya dianggap biasa oleh masyarakat umum juga merupakan satu bentuk pengesahan. Hasilnya, komuniti ini semakin selesa menjalani gaya hidup transeksual, seterusnya membentuk pandang darat sosial dan identiti sosial baru di kawasan mereka tinggal.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Universiti Sains Malaysia yang membiayai kajian ini di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS).

RUJUKAN

Amran Hassan, Fatimah Yussooff & Khadijah Alavi. 2011. Transeksualiti: Perspektif Islam dan Keluarga Dalam Konteks Kesejahteraan. Kertas kerja dibentangkan di PERKAMA International Counseling Convention, National Academy, Kuala Lumpur. 22-23 Jun 2011.

- Benjamin, H. 1999. *The Transsexual Phenomenon*. Electronic Book. Symposion Publishing.
<http://www.symposion.com/ijt/benjamin/index.html> Tarikh dilayari: 29.3.2007
- Bell, D. & Binnie, J. 2004. Authenticating Queer Space: Citizenship, Urbanism and Governance. *Urban Studies*, 41 (9): 1807-1820.
- Bernard, H. R. 2000. *Social Research Method: Qualitative and Quantitative Approaches*. Thousand Oaks, California: Sage Publication.
- Binnie, J. & Valentine, G. 1999. Geographies of sexualities: a review of progress. *Progress in Human Geography*, 23:175-187.
- Brown, M. & Knopp, L. 2005. Places or Polygones? Governmentality, Sexuality and Census in the Gay and Lesbian Atlas. *Population, Space and Place*, 12: 223-246.
- de Blij, H. J. & Murphy, A. B. 2003. *Human Geography: Culture, Society and Space*. New York: John Wiley & Sons.
- Driver, F. 1999. Imaginative Geographies. Dlm. Cloke, P., Crang, P., & Goodwin, M. (Pnyt.), *Introducing Human Geographies*. Hlm 209-216. London: Arnold.
- Ekins, R.J.M. & King, D. 1997. Blending Genders: Contributions to the emerging field of transgender studies. *International Journal of Transgenderism*, 1(1):1-20.
- Hagerstrand, T. 1968. *Innovation Diffusion as a Spatial Process* (trans. A. Pred & G. Haag). Chicago: Chicago University Press.
- Johnston, L. & Longhurst, R. 2008. Queer(ing) Geographies 'Down Under': Some Notes On Sexuality and Space in Australasia. *Australian Geographer*, 39 (3) : 247-257.
- King, D. 1993. *The Transvestite and the Transsexual*. England: Avebury.
- Khaidzir Hj. Ismail & Khairil Anwar. 2011. Psikologi Islam: Suatu Pendekatan Psikometrik Remaja Berisiko. *Jurnal e-Bangi*, 6 (1):77-89.
- Nanda, S. 1999. *Neither Man nor Woman: The Hijras of India*. Canada: Wadsworth Publishing Company.
- Nash, C. J. 2005. Contesting Identity: Politics of Gays and Lesbians in Toronto in the 1970s. *Gender, Place and Culture*, 12: 113-135.
- Nor Ba'yah Abdul Kadir & Asmawati Desa. 2004. Sokongan sosial dan keceriaan: Tinjauan awal di Institusi Pengajian Tinggi. *Jurnal e-Bangi*, 3(3):1-12.
- Orr, G. 2003. Diffusion of Innovations.
<http://www.stanford.edu/class/symbolsys205/Diffusion%20of%20Innovations.htm>

Tarikh dilayari: 4.10.2007.

- Oswin, N. 2008. Critical Geographies and the Uses of Sexuality: Deconstructing Queer Space. *Progress in Human Geography*, 32(1): 89-103.
- Oetomo, D. 2000. Masculinity in Indonesia: Genders, sexualities and identities in a changing society. Dlm. Parker, R., Barbosa, R.M., & Aggleton, P. (Pnyt). *Framing the Sexual Subject: The politics of gender, sexuality, and power*. Hlm. 46-59. Berkeley: University of California Press.
- Robinson, G. M. 1998. *Methods and Techniques in Human Geography*. Chichester: John Wiley & Sons.
- Rogers, E. M. 1995. *Diffusion of innovations* (4th ed.). New York: Free Press.
- Suriati Ghazali & Morshidi Sirat. 2011. *Global ecotourism and rural communities in rural areas*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Suriati Ghazali. 2011. Infrastruktur komuniti dan hubungannya dengan golongan transeksual di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*. 18: 77-95.
- Swaab, D. F. 2004. Sexual differentiation of the human brain: relevance for gender identity, transsexualism and sexual orientation. *Gynecological Endocrinology*, 19: 301-312.
- Teh, Yik Koon. 2002. *The Mak Nyahs: Malaysian Male to Female Transsexual*. Singapore: Eastern Universities Press.
- Totman, R. 2003. *The Third Sex: Kathoey – Thailand’s Ladyboys*. Chiang Mai: Silkworm Book.
- Utusan Malaysia. 22.11.2005. ‘Kecelaruan Seks Serius: Lelaki Mahu Jadi Wanita Banyak Berlaku di Asrama dan IPT’.
- Webber, M. 2006. Brown, L.A. 1981 - Innovation Diffusion: A New Perspective. *Progress in Human Geography*, 30 (4): 487-494.
- Wan Azmi Ramli. 1991. *Dilema Mak Nyah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Wikan, U. 1977. Man becomes Woman: Transsexualism in Oman as a key to gender roles. *Man*, 12 (2): 304-319.
- Zulhizzam A. 2005. Gender Identity Disorder Among Male University Students and Their Features, *NCD Malaysia - The Bulletin of Epidemiology and Public Health on Noncommunicable Disease*, Vol 4(3):19 – 23.

Pengarang Untuk Dihubungi (Corresponding Author):
Suriati Ghazali

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
11800 Pulau Pinang.
suriati@usm.my